

# TV3 sahkan Dr M tak pernah beli saham

Oleh Ridzuan Yop.

KUALA LUMPUR: Sistem Televisyen Malaysia Bhd (TV3) dan Media Prima Bhd (MPB), menjelaskan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak pernah menjadi pemilik saham dalam TV3.

Syarikat itu dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam, berkata rujukan sejarah dan rekod syarikat menunjukkan Dr Mahathir tidak pernah menjadi pemilik saham dalam TV3.

Kenyataan itu dikeluarkan susulan penjelasan Dr Mahathir yang disiarkan akhbar ini semalam, bahawa beliau tidak pernah memiliki saham TV3 seperti didakwa Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam satu temu bual dengan sebuah stesen televisyen asing.

TV3 disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Bhd (ketika itu Bursa Saham Kuala Lumpur) pada 1988 dan dikeluarkan daripada senarai pada 2003 apabila status penyenaaraiannya diambil alih oleh MPB.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata kerajaan tidak bimbang dengan pelbagai tuduhan yang dilemparkan Anwar kepada kerajaan terutama membabitkan Dr Mahathir.

Katanya, sekarang jelas Anwar berada dalam pembangkang dan sebab itu beliau membuat pelbagai tuduhan.

"Saya tidak bimbang perkara itu (tuduhan) kerana dalam negara kita yang baik itu adalah kerajaan Barisan Nasional (BN) dan yang tidak baik itu pembangkang kerana kita dipilih rakyat dalam pilihan raya.

"Jadi Anwar masa dia baik, dia

3/5/2005:5  
kawan kita... dan waktu tidak baik, dia kawan pembangkang, semua orang tahu, tidak perlu kita jelas yang baik itu, Insya-Allah BN baik dan tidak baik itu pembangkang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan usul menjunjung kasih ke atas titah diraja pada persidangan Dewan Negara di sini, semalam.

Nazri berkata demikian ketika diminta pandangannya oleh Senator Datuk Syed Ali Syed Abbas Alhabshee berhubung tuduhan Anwar bahawa Dr Mahathir secara peribadi memiliki 70 peratus ekuiti dalam TV3.

Terdahulu, Syed Ali berkata: "Ketika Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau yang menguasai media dan sudah menyogok ketua-ketua editor sehingga hari ini mereka menjadi jutawan dan apa pandangan YB (Nazri) mengenai perkara ini."

Sehubungan itu, Nazri berkata, tidak perlulah rakyat mengambil berat dengan kenyataan yang dibuat oleh Anwar dalam satu wawancara dengan media asing kerana sekarang Anwar berada dalam pembangkang.

Dalam wawancara dengan Stephen Sackur dalam program *HARDtalk* yang disiarkan *British Broadcasting Corporation (BBC)* Selasa lalu, Anwar ditanya sama ada beliau memiliki TV3 dan menafikannya dengan berkata, 70 peratus saham stesen itu dimiliki Dr Mahathir, manakala bakinya masing-masing dimiliki empat penganjur kanan akhbar ketika itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir dalam satu temubual dengan *Berita Harian* di Putrajaya, kelmarin, menafikan dakwaan itu dan menyifatkannya sebagai fitnah.